

Kerjasama UPM, Bioversity International

KERJASAMA antara Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan sebuah organisasi biodiversiti antarabangsa, Bioversity International, dilihat mampu meningkatkan prestasi pelajar dalam aspek memulihara ekosistem dan spesies di peringkat antarabangsa.

Naib Canselor UPM, **Prof. Dr. Aini Ideris** berkata, kerjasama itu membolehkan para pelajar terlibat dalam penyelidikan secara menyeluruh terutama dalam bidang pertanian, perhutanan dan bioteknologi.

“Sebelum ini memang ada kerjasama antara UPM dengan Bioversity International tetapi memorandum ini merupakan satu perancangan jangka panjang yang mana kerjasama ini akan memberikan fokus utama kepada projek-projek penyelidikan dan pertukaran kepakaran.

“Kami berasa bangga kerana terdapat sebuah organisasi bertaraf antarabangsa mahu bekerjasama dengan UPM. Diharap dengan kerjasama ini, kemahiran pelajar universiti dapat dipertingkatkan sehingga ke persada antarabangsa,” katanya selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di Bangunan Pentadbiran UPM, baru-baru ini.

Bioversity International merupakan sebuah organisasi penyelidikan

biodiversiti antarabangsa yang turut mendapat kerjasama daripada Kumpulan Perundingan Penyelidikan Pertanian Antarabangsa (CGIAR) dan Kesatuan Eropah (EU), bertujuan untuk meningkatkan sekuriti makanan dan nutrisi, daya tahan spesies tanaman dan pokok, produktiviti, serta perubahan iklim.

Beberapa bentuk kerjasama yang dipersetujui UPM dan Bioversity International termasuklah berkongsi pengetahuan dalam peralatan dan kaedah memulihara alam semula jadi untuk dijadikan bahan kajian di universiti, kerjasama strategik bagi mendapatkan dana penyelidikan dan menimba pengalaman serta keyakinan para penyelidik dalam memainkan peranan yang penting di peringkat antarabangsa.

Dua projek penyelidikan yang dijalankan oleh beberapa pensyarah UPM dan Bioversity International ketika ini ialah kepelbagaian genetik pokok Belian dalam hutan tanaman untuk mengenal pasti sumber-sumber benih sesuai dijadikan pemulihan spesies dan analisis ekonomi terhadap ekosistem dan amalan penggunaan tanah bagi mengukuhkan strategi mengurangkan banjir di Sungai Kelantan.



DR. AINI IDERIS (dua dari kiri) bersama **Leslie Bird** (dua dari kanan) menunjukkan dokumen perjanjian yang ditandatangani antara UPM dan Bioversity International di UPM, baru-baru ini.